



**PELAN  
STRATEGIK  
PENCEGAHAN  
RASUAH**

**LEMBAGA URUS AIR  
SELANGOR 2016 - 2018**

**KANDUNGAN**

1. Perutusan Pengarah LUAS
2. Ringkasan Eksekutif
3. Sejarah LUAS
4. Visi, Misi, Moto dan Objektif
5. Teras Strategik
6. Pelan Tindakan
7. Penutup

**PERUTUSAN PENGARAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perancangan dan pelaksanaan agenda integriti nasional merupakan gagasan penting ke arah memartabatkan negara bangsa yang mulia dan berdaya saing. Bagi merealisasikan wadah dan cabaran menjadikan LUAS sebuah organisasi maju mengikut acuan kita sendiri, maka antara cabaran besar ialah “membentuk sebuah organisasi yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan setiap warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.”

Atas kesedaran dan keinsafan bahawa integriti merupakan prasyarat dan landasan yang kukuh untuk sesebuah organisasi mencapai kemajuan dan mempertingkatkan daya saing, maka usaha dan gerakan pemantapan nilai-nilai murni, etika dan integriti menjadi fokus dan keutamaan LUAS. Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) digubal dan dilaksanakan oleh semua warga kerja LUAS. Unit Sumber Manusia dan Integriti LUAS sebagai penggerak, penyelaras dan pemantau kepada usaha ini.

Pelan Strategik Pencegahan Rasuah Lembaga Urus Air Selangor 2016 – 2018 menentukan hala tuju LUAS bagi tempoh tiga (3) tahun. Ianya merangkumi segala aspek daripada strategi pendidikan, strategi pencegahan, strategi pengukuhan dan strategi punitif/penguatkuasaan. Melalui pelan ini, LUAS melangkah setapak lagi untuk mencapai visi dan misi yang nyata untuk menjadi sebuah organisasi pengurusan sumber air yang unggul, beretika dan berintegriti tinggi demi kesejahteraan rakyat sejangat.

Dengan terhasilnya pelan ini, ianya akan menjadi rujukan kepada semua warga LUAS untuk bergerak senada dan seirama menuju ke satu destinasi yang sama. Hanya dengan dedikasi, kesungguhan dan iltizam semua warga LUAS dalam pelaksanaan perancangan pelan ini, satu impak yang ketara akan dapat dilihat, dan yang akan membawa LUAS ke satu peringkat yang lebih tinggi.

Nor Zamri bin Sondor  
Pemangku Pengarah  
Lembaga Urus Air Selangor

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 2016 - 2018 melibatkan tempoh tiga (3) tahun dirangka bersama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selaras dengan hasrat LUAS untuk memastikan setiap pegawai / kakitangannya melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh integriti. PSPR ini digubal secara bersepadu merupakan tindakan usaha dalaman pihak LUAS untuk memerangi gejala rasuah dari peringkat akar umbi sehingga ke peringkat pengurusan organisasi LUAS sendiri.

Objektif PSPR LUAS 2015-2018 ini diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemantapan tahap integriti setiap warga LUAS. Apa yang terkandung dalam PSPR ini adalah pelaksanaan program dan aktiviti yang bersesuaian bagi menerapkan nilai-nilai murni dan integriti terutama dalam membanteras perlakuan negatif termasuk gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

## PENUBUHAN LUAS

Lembaga Urus Air Selangor atau singkatannya LUAS adalah sebuah agensi setempat pengurusan sumber air dan lembangan sungai di Negeri Selangor. Ia ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 setelah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor yang bersidang pada 9 April 1999. Pada 18 September 1999, majlis pelancaran LUAS telah disempurnakan oleh bekas Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri (Dr) Hj. Abu Hassan bin Hj. Omar yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah LUAS yang pertama pada masa itu. Ir. Hj. Rahmat B. Hj. Mohd Sharif, Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dilantik sebagai Pengarah LUAS yang pertama bermula pada 15 September 1999. LUAS mula beroperasi secara rasmi pada 1 Ogos 2000 dengan pengambilan kakitangan 'nukleus' seramai 13 orang termasuk Pengarah.

Sejarah penubuhan LUAS adalah bermula dari arahan Jemaah Menteri pada Julai 1997 yang lalu yang meminta Kementerian Pertanian dan seterusnya Kerajaan Negeri Selangor supaya mengkaji cadangan bagi menubuhkan suatu badan untuk menguruskan sungai dan sumber air secara yang bersepadu dengan mengambil Sg. Selangor sebagai projek perintis dan 'Thames River' di United Kingdom sebagai model pelaksanaan. Sehubungan dengan itu penyelarasan peranan dan bidang kuasa antara agensi serta antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah dibuat bagi memastikan tidak wujudnya sebarang pertindihan fungsi dan tanggungjawab serta melicinkan perjalanan institusi yang baru ini. LUAS merupakan agensi ulung di dalam pengurusan sumber air dan lembangan sungai yang dilengkapi dengan peruntukan perundangan dan penguatkuasaan. Sekiranya perlaksanaan ini berjaya maka ia boleh dijadikan contoh atau model untuk diguna pakai bagi lembangan-lembangan sungai yang lain di seluruh Negara.

Sebagai sebuah agensi setempat, LUAS dipertanggungjawabkan bagi memastikan sumber air, lembangan sungai, perairan pantai serta alam persekitaran Negeri Selangor berada di dalam keadaan terpelihara dengan peningkatan kualiti melalui pengurusan sumber air dan lembangan sungai secara yang holistik, bersepadu dan lestari. Antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan termasuklah perancangan, penyelidikan, pengezonan, pengurusan maklumat; pengurusan alam sekitar; pembangunan, kendalian dan selenggaraaan; perundangan dan penguatkuasaan serta perkhidmatan korporat.

**VISI**

“Menjadi Organisasi Pengurusan Sumber Air Bersepadu yang Unggul bagi Menyokong Wawasan Negeri Selangor”

**MISI**

“Mengurus Sumber Air Negeri Selangor Secara Holistik Ke Arah Kesejahteraan Sejahtat”.

**SLOGAN**

"Air Untuk Semua"

**OBJEKTIF**

- Memastikan Sumber Air, Lembangan Sungai, Perairan Pantai dan alam persekitarannya berada di dalam keadaan yang terpelihara dan mampan bagi menyokong pembangunan sosioekonomi Negeri yang sentiasa berdaya maju.
- Melaksanakan fungsi sebagai perancang, pelaksana, penyelaras, pemudah cara, penyelidik dan penguatkuasa secara efektif, sistematik dan efisien dalam pembangunan dan pengurusan sumber air.
- Mewujudkan suasana yang menggalakkan penyertaan sektor awam dan swasta dalam pengurusan sumber air dengan mengambilkira kepentingan awam dan Kerajaan Negeri serta menanamkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya sumber air dipelihara.
- Sebagai sumber rujukan dan model ikutan pengurusan sumber air bersepadu yang unggul kepada negeri-negeri di Malaysia serta negara luar.

**PELAN STRATEGIK**

Dalam memperkasakan integriti kakitangan, PSPR LUAS telah menggariskan empat (4) strategi iaitu Pendidikan, Pencegahan, Penguksuhan dan Punitif/Penguatkuasaan. Di bawah strategi tersebut terdapat (7) teras yang dapat meningkatkan imej dan profesionalisme Lembaga.

**i. Strategi Pendidikan**

Merangka, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti secara bersepadu bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran bagi memantapkan integriti dalam menangani jenayah rasuah

**ii. Strategi Pencegahan**

Mengesan dan mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam amalan, sistem dan tatacara kerja dan seterusnya mempertingkatkan tahap kecekapan bagi menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dalam organisasi.

**iii. Strategi Penguksuhan**

Penekanan kepada usaha-usaha bagi memastikan pematuhan ke atas peraturan dan sistem serta usaha pemulihan terhadap individu dan organisasi yang terdedah dan terlibat dengan aktiviti yang menjejaskan integriti dan kapabiliti organisasi.

**iv. Strategi Punitif / Penguatkuasaan**

Mewujudkan mekanisme yang dapat meningkatkan usaha-usaha mengesan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menjejaskan integriti dan kapabiliti organisasi.

PELAN STRATEGIK**STRATEGI : PENDIDIKAN****TERAS 1 : Merangka dan Melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Rasuah**

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMP. SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1	Ceramah berkaitan rasuah yang menitikberatkan keagamaan.	Memberi kesedaran kepada golongan sasaran mengenai dosa dan kesan perlakuan rasuah	Warga LUAS	Gejala Rasuah Membawa Dosa	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti LUAS/KSK	JAIS/MAIS/JAKI M	1 kali setahun
2	Pameran bersama Agensi lain berkaitan isu rasuah	Mendedahkan kesan rasuah dan hukuman yang dikenakan bagi menimbulkan kesedaran	Warga LUAS/ Pelanggan LUAS	Rasuah tidak menjanjikan kekayaan	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti LUAS/ Korporat	SPRM/Jabatan Penjara Malaysia	1 kali setahun (Hari Air Sedunia)
3	Menggunakan teknologi dalam menyebarkan maklumat berkaitan amalan rasuah dan kesannya.	Memberi maklumat berkaitan amalan rasuah dan kesannya menerusi penggunaan teknologi.	Warga LUAS/ Pelanggan LUAS		Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti LUAS/SPRM	Unit Teknologi Maklumat	Setiap bulan.



## STRATEGI : PENDIDIKAN

## TERAS 2 : Mendapatkan Sokongan Untuk Bersama Mencegah Rasuah

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMP. SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1	Pertandingan kuiz atau video pendek "Bahaya dan Kesan Rasuah"	Menarik minat golongan sasaran untuk memahami dan menangani jenayah rasuah.	Warga LUAS	Rasuah Memakan Diri	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti / Korporat	SPRM	Diadakan pada Hari Air Sedunia atau Hari Bertemu Pelanggan dll
2	Lawatan ke Mahkamah semasa sesi pendakwaan bagi kesalahan Rasuah	Memberi kesedaran dan peringatan kepada golongan sasaran	Warga LUAS	Hukuman pelaku rasuah itu BERAT dan tidak mengenal siapa	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti	SPRM/ Mahkamah	1 kali setahun

**STRATEGI : PENCEGAHAN**  
**TERAS 3 : Mengesan dan Mengenalpasti Ruang dan Peluang Pelakuan Rasuah**

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMP. SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1	Menaiktaraf sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan yang berpotensi. Cth: Bilik Perbincangan dan ruang menunggu	Mengesan ruang yang berpotensi kepada berlakunya jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.	Warga LUAS	Organisasi prihatin terhadap segala aktiviti yang melibatkan pelanggaran integriti.	Unit Pentadbiran	SUK/SPRM	Mengikut keperluan
2	Mengadakan pemeriksaan mengejut dan <i>Integrity Test</i> dari semasa ke semasa.	Mengenalpasti sekiranya terdapat aktiviti menerima atau memberi rasuah /salah guna kuasa.	Penguatkuasaan dan Unit yang terdedah dengan risiko rasuah	LUAS Gempur Perlakuan Rasuah	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti/ Pengurusan Tertinggi	SPRM/SUK	2 kali setahun

**STRATEGI : PENCEGAHAN**  
**TERAS 4 : Mengambil Langkah-Langkah Untuk Menutup Ruang dan Peluang Rasuah**

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMP. SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1	Memperkemaskan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) terhadap proses kerja yang kritikal terutama bagi aktiviti yang memperakukan sebarang proses kelulusan.  Cth: Unit Kewangan dan Teknikal	Menutup ruang perlakuan rasuah / salah guna kuasa.	Warga LUAS terutama yang berurusan dengan pelanggan	Organisasi berkehendakan pegawai-pegawai bertindak secara telus	Unit Pentadbiran dan semua pihak yang terlibat	SUK/SPRM	Mengikut keperluan.  - Unit Penguatkuasaan - Unit Kewangan - Unit Teknikal
2	Pelaksanaan Job Rotation secara berkala (sekurang-kurangnya lima (5) tahun sekali) melibatkan tugas-tugas kritikal dan berisiko.	Membendung dan mengurangkan pelanggaran integriti.	Warga LUAS	Menutup dan Mencegah ruang salah laku Pegawai	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti	Secara Dalaman	Dikemaskini setiap tahun
3	Pemakaian <i>Badge</i> "Saya Benci Rasuah"	Menutup ruang menerima dan memberi rasuah di kalangan warga LUAS dan orang awam.	Warga LUAS	Bersama membentaras perlakuan rasuah	Unit Pentadbiran dan Pihak Pengurusan Tertinggi	SPRM	Sepanjang masa.

## STRATEGI : PENGUKUHAN

## TERAS 5 : Mengambil Langkah-Langkah Untuk Meningkatkan Pematuhan Kepada Peraturan dan Sistem

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMP. SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1	Mewujudkan sudut pengetahuan (Sudut Integriti/Keutuhan) berkenaan kesedaran perlakuan jenayah rasuah	Memberi peringatan mengenai kesan rasuah dan memudahkan penyaluran maklumat terkini berkenaan jenayah rasuah.	Warga LUAS/Pelanggan LUAS	Ilmu Panduan Hidup	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti dan Unit Pentadbiran	Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM	Berterusan
2	Mewujudkan Kod Etika ( <i>Code Of Ethics</i> ) LUAS	Menyatakan dasar sifar toleransi terhadap amalan rasuah dan pematuhan kepada semua peraturan berkaitan den dasar yang digunakan oleh jabatan	Warga LUAS	Elak Rasuah, Etika Terjamin	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti	Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM	Berterusan

**STRATEGI : PENGUKUHAN**

**TERAS 6 : Mengambil Langkah-Langkah Untuk Membaik Pulih Integirti dan Kapabiliti LUAS**

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMP. SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1	<p>Program Pembudayaan Integriti di kalangan warga kerja.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hari Integirti LUAS</li> <li>- Sambutan Hari Air Sedunia</li> <li>- Hari Anti Rasuah Kebangsaan</li> </ul>	<p>Penghayatan terhadap peranan dan tanggungjawab budaya integriti di kalangan warga kerja dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan.</p>	Warga LUAS	Integriti Tunjang Kejayaan	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti	Unit Korporat dan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM	2 kali setahun

**STRATEGI : PUNITIF/PENGUATKUASAAN****TERAS 7 : Mewujudkan Mekanisme Organisasi Untuk Mengesan Perlakuan Rasuah, Penyelewengan dan Salahguna Kuasa**

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMP. SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1	Mengadakan Penyamaran dan menjalankan pemeriksaan mengejut	Mengesan dan mengenalpasti pegawai yang mengambil rasuah	Warga LUAS dan Pelanggan LUAS	"Anda Sedang Diperhatikan!!"	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti	SPRM	Mengikut keperluan.
2	Tindakan Tatatertib	Memberi pengajaran kepada pesalahlaku rasuah dan warga LUAS	Warga LUAS	"Rasuah = C4" / Neraka	Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Integriti	Jawatankuasa Tatatertib LUAS	Berterusan

## **MEKANISME PEMANTAUAN PELAKSANAAN**

Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) LUAS 2016 – 2018 adalah rujukan utama LUAS bagi tempoh tiga (3) tahun untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Pelaksanaannya memerlukan pemantauan yang terperinci. Di dalam tempoh pelaksanaannya, penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa. Justeru itu, pemantauan pelaksanaannya akan dilakukan melalui Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Lembaga Urus Air Selangor (JITU LUAS) yang diurusetiaikan oleh Unit Sumber Manusia dan Integriti LUAS.

JITU LUAS bertanggungjawab untuk memantau secara keseluruhan pelaksanaan pelan strategik ini dengan dipengerusikan oleh Pengarah LUAS bersama ahli-ahli yang terdiri daripada ketua-ketua bahagian, seksyen dan unit tertentu sahaja. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dan berbincang pada kekerapan tiga (3) kali setahun sejajar Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014.

## **PENUTUP**

Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) dirangka sebagai garis panduan kepada pegawai / kakitangan LUAS ke arah memastikan sistem penyampaian dan perkhidmatan yang cekap, telus dan mesra dapat direalisasikan.

PSPR ini merupakan satu persediaan yang dirancang bagi menghadapi cabaran dalaman dan luaran jabatan dari pelbagai aspek. Pelan tindakan yang telah dirancang memerlukan komitmen dan penglibatan semua pihak. Di samping itu, proses penambahbaikan dan semakan semula pelan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan cabaran dan polisi-polisi baru yang digubal pada masa akan datang.



### **PENGHARGAAN**

Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Pasukan Petugas Penyediaan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah Lembaga Urus Air Selangor 2016 – 2018 serta seluruh warga LUAS yang terlibat di atas komitmen, kesungguhan dan iltizam bagi menjayakan penghasilan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah Lembaga Urus Air Selangor 2016 – 2018 ini.